

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (NEGERI MELAKA) 2005

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN WASIAT

3. Wasiat boleh dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat.
4. Pembuktian wasiat.
5. Wasiat bersyarat.
6. Kelayakan pewasiat.
7. Syarat benefisiari.
8. Bekues kepada tempat ibadat atau institusi lain.
9. Hal perkara wasiat.
10. Wasiat atas manfaat.
11. Cara pewasiatan.

BAHAGIAN III

KETIDAKSAHAN WASIAT

12. Wasiat tidak sah.
13. Wasiat orang yang dilarang daripada menguruskan hartanya.
14. Benefisiari yang menyebabkan kematian pewasiat tidak berhak kepada wasiat.

BAHAGIAN IV

PEMBATALAN WASIAT

15. Membatalkan wasiat.
16. Perbuatan yang tidak boleh dianggap pembatalan wasiat.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

Seksyen

17. Penerimaan dan penolakan wasiat.
18. Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat.
19. Menerima sebahagian daripada wasiat.
20. Penolakan wasiat sebelum atau selepas pewasiat mati.
21. Penerimaan harta yang diwasiat.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNG DENGAN BENEFISIARI

22. Bekues kepada benefisiari yang tidak wujud.
23. Bekues kepada orang tertentu.
24. Bekues kepada anak dalam kandungan tertentu.
25. Bekues kepada dua anak dalam kandungan atau lebih, dsb.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNG DENGAN PEMBERIAN
BERWASIAT

26. Bekues kepada waris dan bukan waris.

BAHAGIAN VIII

WASIAT WAJIBAH

27. Bekues kepada cucu.

BAHAGIAN IX

AM

28. Hukum Syarak.
29. Kuasa membuat kaedah-kaedah.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

MELAKA

ENAKMEN No. 4 tahun 2005

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR
NEGERI,
Negeri
Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

20 April 2005

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wasiat orang Islam di Negeri Melaka, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

Tajuk ringkas,
permulaan
kuat kuasa
dan
pemakaian.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Negeri Melaka; dan

(b) orang yang menganut agama Islam sahaja.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bekues” ertinya pemberian melalui wasiat, harta atau faedah daripada harta;

“benefisiari” ertinya orang yang menerima manfaat daripada sesuatu wasiat dan, berhubung dengan hasil daripada sesuatu wasiat, termasuk suatu tujuan agama atau khairat yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak;

“dilahirkan hidup” ertinya seseorang yang dilahirkan hidup menurut Hukum Syarak;

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 7 tahun 2002*];

“Hakim” ertinya seorang Hakim Syarie yang dilantik mengikut Enakmen Pentadbiran;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hambali;

“harta” termasuk harta alih dan tak alih, apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta alih atau tak alih, hak, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau yang selainnya mempunyai nilai menurut Hukum Syarak;

“Harta pusaka” ertinya semua harta peninggalan orang yang mati;

“*iqrar*” ertinya suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, sama ada secara bertulis, lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai kewajipan atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak;

“Mahkamah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pentadbiran;

“orang” termasuk kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak;

“orang tidak sempurna akal” ertinya—

- (a) seseorang yang didapati di bawah seksyen 10 Ordinan Sakit Otak 1952 [*Ordinan No. 31/52*], sebagai tidak sempurna akal dan tidak berdaya untuk menguruskan dirinya sendiri dan hal ehwalnya;
- (b) seseorang yang diperakui gila di bawah seksyen 4 Ordinan Orang Gila Sabah [*Bab 74*]; dan
- (c) seseorang yang didapati di bawah seksyen 5 Ordinan Kesihatan Mental Sarawak 1961 [*Ordinan No. 16/61*] sebagai tidak sempurna akal dan tidak berdaya untuk menguruskan dirinya atau hal ehwalnya,

dan termasuk mana-mana orang lain yang tidak sempurna akal yang tidak berdaya untuk menguruskan dirinya atau hal ehwalnya;

“*qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen No. 8 tahun 2002*];

“*urf*” ertinya adat atau amalan yang diiktiraf oleh masyarakat atau golongan orang tertentu sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan selagi ia tidak bertentangan dengan Hukum Syarak;

“wali harta” ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan sesuatu wasiat dan termasuk seseorang yang dilantik sebagai wali harta oleh Mahkamah;

“waris” ertinya seseorang yang mempunyai hak mewarisi harta pusaka menurut Hukum Syarak;

“wasi” ertinya seseorang yang kepadanya diamanahkan pelaksanaan sesuatu wasiat orang yang telah mati dan termasuk seseorang yang dilantik menjadi wasi oleh Mahkamah;

“wasiat” ertinya *iqrar* seseorang yang dibuat pada masa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat hartanya, untuk disempurnakan bagi maksud khairat atau apa-apa maksud lain yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.

(2) Semua perkataan dan ungkapan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah masing-masing mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam bahagian itu setakat yang pengertian itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang sifat atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN WASIAT

Wasiat boleh dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat.

3. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat secara lisan atau dengan tulisan dan, jika orang yang hendak membuat wasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya boleh dibuat dengan isyarat yang boleh difahami.

(2) Sesuatu wasiat secara lisan atau wasiat dengan isyarat hendaklah dibuat di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima sebagai saksi menurut Hukum Syarak.

(3) Sesuatu wasiat bertulis hendaklah dibuat dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua.

4. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada tuntutan tentang kesahan sesuatu wasiat selepas kematian seseorang pewasiat boleh diterima oleh Mahkamah melainkan jika tuntutan itu disokong oleh dokumen-dokumen yang ditulis atau ditandatangani oleh pewasiat.

Pembuktian wasiat.

(2) Jika terdapat halangan yang besar yang menghalang pengemukaan keterangan dokumentar yang disebut dalam subseksyen (1), wasiat itu boleh dibuktikan melalui keterangan lisan dua orang saksi.

5. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat secara mutlak atau tertakluk kepada sesuatu syarat.

Wasiat bersyarat.

(2) Sesuatu wasiat yang tertakluk kepada syarat yang bertujuan untuk mengawal selia sama ada cara bagaimana harta atau manfaat harta itu hendaklah dinikmati atau kelakuan dan aktiviti benefisiari secara umum, adalah sah jika syarat itu sendiri adalah sah menurut Hukum Syarak.

(3) Sesuatu syarat kepada sesuatu wasiat adalah sah dan boleh dikuatkuasakan jika syarat itu ialah suatu syarat yang memberikan faedah yang sah kepada pewasiat atau benefisiari atau orang lain, dan tidak dilarang atau bertentangan dengan maksud syariah.

6. (1) Seseorang pewasiat hendaklah seseorang yang—

Kelayakan pewasiat.

(a) telah mencapai umur 18 tahun;

(b) sempurna akal;

(c) bertindak dengan suka rela dan tidak dipaksa; dan

(d) tidak dilarang daripada menguruskan hartanya.

(2) Wasiat seseorang yang tidak layak menjadi pewasiat menurut Hukum Syarak tidaklah sah kecuali dengan izin dan kebenaran Mahkamah.

(3) Jika seseorang pewasiat dalam keadaan sakit apabila membuat wasiat, dia hendaklah waras fikirannya, baik ingatannya dan memahami perihal wasiat dibuat.

(4) Jika seseorang pewasiat dalam keadaan *marad-al-maut*, bekuesnya tidak boleh melebihi satu pertiga daripada hartanya dan jika bekuesnya itu melebihi satu pertiga, wasiatnya hanya boleh diterima dengan persetujuan semua waris.

Syarat
benefisiari.

7. Seseorang benefisiari sesuatu wasiat hendaklah seseorang yang—

- (a) diketahui;
- (b) layak untuk memiliki harta yang diwasiatkan; dan
- (c) jika ditentukan, dia hendaklah wujud ketika wasiat itu dibuat dan jika tidak ditentukan, dia tidak disyaratkan wujud sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati.

Bekues
kepada
tempat ibadat
atau institusi
lain.

8. Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat ibadat, institusi kebajikan, institusi akademik atau kepada mana-mana institusi lain yang mendatangkan kebajikan umum dan, jika wasiat itu dibuat dengan tidak menentukan tujuan penggunaannya, wasiat itu hendaklah digunakan untuk apa-apa jua maksud khairat umum.

Hal perkara
wasiat.

9. (1) Hal perkara yang diwasiatkan hendaklah—

- (a) sesuatu yang boleh dijadikan pusaka atau boleh menjadi perkara akad semasa hidup pewasiat;
- (b) sesuatu yang bernilai;
- (c) sesuatu yang boleh dipindahkan selepas kematian pewasiat; dan
- (d) jika ditentukan, sesuatu yang wujud dalam milik pewasiat, dan jika tidak ditentukan, sesuatu yang wujud semasa kematian pewasiat.

(2) Hal perkara yang diwasiatkan hendaklah sesuatu yang harus dan bukan sesuatu yang haram, maksiat atau *bida'ah*.

10. Sesuatu wasiat boleh dibuat atas sesuatu manfaat korpus harta atau faedah sesuatu benda dan boleh dibuat bagi suatu tempoh tertentu atau untuk selama-lamanya.

Wasiat atas manfaat.

11. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan cara—

Cara pewasiatan.

- (a) memberikan harta atau mana-mana bahagiannya yang akan menjadi hak benefisiari untuk mewarisinya, kepada benefisiari; atau
- (b) memberikan pinjaman kepada benefisiari sejumlah yang tertentu daripada pusakanya tetapi tidak melebihi satu pertiga, melainkan dengan kebenaran semua waris.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 26(2), seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya daripada harta pusaka dan jika bahagian salah seorang daripada waris itu melebihi kadar yang kepadanya dia berhak, harta yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat.

BAHAGIAN III

KETIDAKSAHAN WASIAT

12. Sesuatu wasiat menjadi tidak sah jika—

Wasiat tidak sah.

- (a) pewasiat menjadi seorang yang tidak sempurna akal dan mati dalam keadaan itu;
- (b) benefisiari mati sebelum pewasiat;
- (c) hal perkara tertentu atau manfaat wasiat itu musnah sebelum kematian pewasiat; atau
- (d) pewasiat membatalkan wasiatnya.

13. Tiada wasiat menjadi tidak sah semata-mata kerana pewasiat dilarang daripada menguruskan hartanya.

Wasiat orang yang dilarang daripada menguruskan hartanya.

14. Sesuatu wasiat menjadi tidak sah jika benefisiari dengan sengaja menyebabkan kematian pewasiat, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dia bertindak

Benefisiari yang menyebabkan kematian pewasiat tidak berhak kepada wasiat.

sebagai prinsipal, rakan sejenayah atau pensubahat, atau menjadi seorang saksi palsu yang testimoninya menyebabkan hukuman mati ke atas pewasiat dilaksanakan:

Dengan syarat bahawa pembunuhan itu dilakukan tanpa hak atau keuzuran syarie dan benefisiari sempurna akal dan telah mencapai umur matang menurut Hukum Syarak.

BAHAGIAN IV

PEMBATALAN WASIAT

Membatalkan
wasiat.

15. (1) Sesuatu wasiat boleh dibatalkan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya dengan—

- (a) pembatalan secara nyata;
- (b) pembatalan secara tersirat; atau
- (c) wasiat yang terkemudian yang mengatasi wasiat yang terdahulu.

(2) Sesuatu wasiat hendaklah dianggap sebagai dibatalkan—

- (a) jika pewasiat melakukan apa-apa perbuatan atau mewujudkan hal keadaan yang menunjukkan dengan *qarinah* atau “*’urf*” bahawa dia telah membatalkan wasiatnya itu; atau
- (b) jika pewasiat telah sama sekali menghabiskan harta yang dibekueskannya.

Perbuatan
yang tidak
boleh
dianggap
pembatalan
wasiat.

16. Pewasiat tidak boleh dianggap membatalkan wasiatnya semata-mata kerana—

- (a) penafian wasiat itu oleh orang lain;
- (b) perubahan yang dilakukan pada bentuk harta yang dibekueskan itu; atau
- (c) dia melakukan apa-apa perbuatan atau penambahan kepada korpus harta yang dibekueskan itu, jika perbuatan atau penambahan

itu tidak merupakan sesuatu yang bebas dengan sendirinya, kecuali terdapat bukti, sama ada dengan *qarinah* atau *'urf*, untuk menunjukkan bahawa dengan perbuatan atau penambahan itu, dia berniat untuk membatalkan wasiatnya.

BAHAGIAN V

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN WASIAT

17. (1) Sesuatu wasiat hendaklah berkuat kuasa apabila diterima oleh benefisiari, sama ada dengan penerimaan nyata atau tersirat, selepas kematian pewasiat.

Penerimaan dan penolakan wasiat.

(2) Jika benefisiari ialah seorang kanak-kanak yang belum cukup umur menurut Hukum Syarak, atau seseorang yang dilarang daripada menguruskan hartanya, penerimaannya atau penolakannya hendaklah disempurnakan oleh wali hartanya.

(3) Jika benefisiari ialah anak dalam kandungan, penerimaannya atau penolakannya hendaklah disempurnakan oleh wali hartanya:

Dengan syarat bahawa anak dalam kandungan itu dilahirkan hidup.

(4) Jika benefisiari ialah suatu pertubuhan perbadanan, penerimaannya atau penolakannya hendaklah disempurnakan oleh wakil sah pertubuhan perbadanan itu.

(5) Jika sesuatu wasiat telah dibuat kepada kumpulan orang yang tidak diperbadankan, penerimaannya atau penolakannya tidaklah diperlukan, dan wasiat itu hendaklah dibahagikan kepada sekurang-kurangnya tiga orang daripada kumpulan orang itu.

(6) Jika seseorang benefisiari mati sebelum dia sempat menerima atau menolak wasiat, waris-warisnya hendaklah menentukan sama ada hendak menerima atau menolak wasiat itu.

Tempoh penerimaan atau penolakan wasiat.

18. (1) Penerimaan atau penolakan sesuatu wasiat boleh dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas seseorang benefisiari mengetahui tentang kematian pewasiat dan kewujudan wasiat itu:

Dengan syarat bahawa benefisiari itu tidak mempunyai apa-apa alasan yang munasabah yang menyebabkan dia melewatkan penerimaan atau penolakan wasiat itu.

(2) Seseorang waris pewasiat boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah mengarahkan seseorang benefisiari untuk menyatakan penerimaan atau penolakannya terhadap sesuatu wasiat.

Menerima sebahagian daripada wasiat.

19. (1) Jika seseorang benefisiari menerima sebahagian daripada wasiat dan menolak sebahagian yang lain, penerimaan itu sah setakat bahagian yang diterima itu dan tidak sah setakat bahagian yang ditolak itu.

(2) Jika sebahagian daripada benefisiari menerima wasiat dan sebahagian yang lain pula menolaknya, wasiat itu sah berkenaan dengan mereka yang menerimanya dan tidak sah berkenaan dengan mereka yang menolaknya.

Penolakan wasiat sebelum atau selepas pewasiat mati.

20. (1) Tiada wasiat menjadi tidak sah jika penolakannya dibuat oleh benefisiari sebelum pewasiat mati.

(2) Jika seseorang benefisiari menolak wasiat keseluruhannya atau sebahagiannya selepas kematian pewasiat dan pada ketika itu benefisiari itu belum lagi menerimanya, penolakan itu sah setakat dan berkenaan dengan bahagian yang ditolak itu.

(3) Jika seseorang benefisiari telah menerima wasiat selepas kematian pewasiat, tetapi selepas itu dia menolak keseluruhan atau sebahagian wasiat itu, maka penolakan itu tidak sah.

Penerimaan harta yang dibekues.

21. (1) Tertakluk kepada seksyen 17 dan 18, jika seseorang benefisiari wujud semasa kematian pewasiat, dia hendaklah berhak terhadap bekues itu dari masa kematian itu:

Dengan syarat bahawa tidak ada masa tertentu, selepas kematian itu, ditetapkan dalam bekues itu.

(2) Segala manfaat dan penambahan kepada harta yang dibekues dari masa harta itu diambil milik oleh benefisiari tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada bekues itu dan apa-apa perbelanjaan yang kena dibayar kepada bekues itu dalam tempoh itu hendaklah ditanggung oleh benefisiari itu.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN BENEFISIARI

22. (1) Sesuatu wasiat boleh dibuat kepada benefisiari yang tidak wujud dan kepada sekumpulan bilangan benefisiari tertentu yang sebahagiannya wujud dan yang sebahagian lagi tidak wujud.

Bekues kepada benefisiari yang tidak wujud.

(2) Jika mana-mana benefisiari yang disebut dalam subseksyen (1) tidak wujud semasa kematian pewasiat, maka waris-warisnya berhak kepada hasil harta pusaka itu atau manfaatnya.

(3) Jika terdapat seorang sahaja benefisiari yang wujud daripada beberapa orang benefisiari semasa kematian pewasiat atau selepas itu, harta pusaka itu hendaklah diberikan kepada orang yang wujud pada masa itu sehingga muncul benefisiari yang lain, dan dari masa itu, harta pusaka itu hendaklah dibahagikan antara mereka dan jika seorang daripada mereka mati, bahagian orang yang mati itu hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaknya.

(4) Jika terdapat seorang benefisiari sahaja, maka dia berhak kepada keseluruhan harta pusaka itu melainkan jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pewasiat sebenarnya bertujuan untuk membekues harta

itu kepada beberapa orang benefisiari, dan dalam hal keadaan sedemikian, benefisiari yang wujud itu hendaklah diberi bahagiannya sahaja dan bakinya hendaklah diberikan kepada benefisiari-benefisiari yang lain.

(5) Jika sesuatu bekues dibuat secara berperingkat-peringkat, semasa kematian pewasiat, bekues itu hendaklah diberikan kepada penerima peringkat pertama dan seterusnya sehingga habis semua harta pusaka itu dan bekues itu akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka pewasiat jika penerima peringkat-peringkat itu tidak wujud lagi, melainkan jika terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa harta pusaka itu telah dibekues kepada benefisiari-benefisiari yang lain.

Bekues
kepada orang
tertentu.

23. (1) Tertakluk kepada seksyen 22, jika sesuatu bekues dibuat kepada bilangan orang yang terhad, tetapi tidak menyebut nama mereka dan sebahagian daripada mereka tidak layak untuk menjadi benefisiari semasa kematian pewasiat, harta pusaka itu hendaklah dibahagikan kepada benefisiari yang layak sahaja.

(2) Jika sesuatu wasiat dibuat kepada orang tertentu dengan suatu kumpulan atau organisasi, atau antara suatu kumpulan dengan suatu organisasi, atau antara mereka semua, tiap-tiap orang tertentu dan tiap-tiap individu dengan kumpulan yang terhad itu dan tiap-tiap organisasi yang tidak terhad hendaklah mempunyai bahagian dalam wasiat itu.

(3) Jika sesuatu wasiat bagi seseorang, kumpulan orang atau pihak tertentu tidak sah, bahagian orang, kumpulan orang atau pihak tertentu itu dalam harta yang dibekues itu hendaklah menjadi harta pusaka pewasiat.

Bekues
kepada anak
dalam
kandungan
tertentu.

24. (1) Sesuatu wasiat kepada anak dalam kandungan adalah sah dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika pewasiat membuat *iqrar* tentang kewujudan anak dalam kandungan semasa dia membuat wasiat itu, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak; dan

- (b) jika pewasiat tidak membuat apa-apa *iqrar* tentang kewujudan anak dalam kandungan dan anak itu dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak dari masa dia membuat wasiat itu, dan jika perempuan yang mengandungkan anak itu sedang dalam ‘iddah talaq raji’e atau dalam ‘iddah mati atau ‘iddah bain’, maka anak dalam kandungan itu mestilah dilahirkan hidup dalam tempoh yang diiktiraf menurut Hukum Syarak.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), wasiat boleh dibuat kepada anak dalam kandungan orang lain sekiranya anak dalam kandungan itu ialah anak yang sah menurut Hukum Syarak daripada keturunan orang itu.

(3) Harta anak dalam kandungan itu hendaklah ditadbirkan oleh wali hartanya atau wasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga dia dilahirkan dan selepas itu harta itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila dia layak untuk menerimanya.

25. Jika seseorang perempuan yang mengandung melahirkan, sama ada pada satu masa atau pada dua masa yang berlainan dalam lat tempoh yang kurang daripada enam bulan, dua anak yang hidup atau lebih—

Bekues kepada dua anak dalam kandungan atau lebih, dsb.

- (a) bekues itu hendaklah dibahagikan sama rata antara mereka, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dalam wasiat itu;
- (b) jika salah seorang daripada mereka dilahirkan mati, anak yang hidup itu berhak kepada keseluruhan bekues itu, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam wasiat itu; dan
- (c) jika mana-mana anak itu mati selepas dilahirkan dan jika wasiat itu berhubung dengan korpus harta, bahagiannya hendaklah berpindah kepada waris-warisnya, dan dalam hal wasiat yang berhubung dengan manfaat, bahagiannya hendaklah berpindah kepada waris-waris pewasiat.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PEMBERIAN BERWASIAT

Bekues
kepada waris
dan bukan
waris.

26. (1) Jika sesuatu bekues dibuat kepada seseorang yang bukan waris atas kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat selepas dijelaskan segala hutangnya, bekues itu hendaklah dikuatkuasakan tanpa perlu mendapat persetujuan waris-warisnya.

(2) Sesuatu bekues yang dibuat kepada seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga tidak boleh dikuatkuasakan melainkan jika waris-waris mempersetujuinya selepas kematian pewasiat.

(3) Sesuatu bekues yang dibuat oleh orang yang berhutang hanya akan berkuat kuasa setakat baki harta pusakanya selepas dijelaskan segala hutangnya.

BAHAGIAN VIII

WASIAT WAJIBAH

Bekues
kepada cucu.

27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu berhak kepada satu pertiga daripada harta pusakanya dan, jika cucu itu diberi kurang daripada satu pertiga, bahagiannya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat *wajibah* yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

(2) Kadar wasiat *wajibah* cucu hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

(3) Cucu itu tidak berhak kepada bekues jika dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika datuk atau neneknya

semasa hayatnya dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka berhak untuk menerima menurut wasiat *wajibah*:

Dengan syarat bahawa jika wasiat itu kurang daripada apa yang dia sepatutnya berhak menerima, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika wasiat itu melebihi apa yang dia sepatutnya berhak menerima, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat suka rela yang tertakluk kepada persetujuan waris-waris.

BAHAGIAN IX

AM

28. (1) Mana-mana peruntukan atau pentafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Hukum
Syarak.

(2) Jika terdapat apa-apa lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

29. Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Agama Islam Melaka, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta*, membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

Kuasa
membuat
kaedah-
kaedah.

- (a) borang, daftar dan dokumen-dokumen lain yang akan digunakan berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dibuat di bawah atau menurut Enakmen ini;
- (b) bentuk apa-apa perakuan, notis atau dokumen-dokumen lain yang dikehendaki bagi maksud melaksanakan Enakmen ini;
- (c) membuat carian dan memberi salinan-salinan yang diperakui; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang perlu bagi pelaksanaan sepatutnya Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(3)]

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN
UNGKAPAN TERTENTU

<i>bida'ah</i>	حُكْمٌ شَرَعٌ
Hukum Syarak	عِدَّةٌ
<i>'iddah</i>	عِدَّةٌ بِلَانٍ
<i>'iddah bain</i>	اِقْرَارٌ
<i>iqrar</i>	مَرَصٌ اَلْمَوْتِ
<i>marad-al-maut</i>	اَوْرَثَةٌ
<i>qarinah</i>	طَلَقٌ رَجْعِيٌّ
<i>talaq raj'i</i>	عَرَفٌ
<i>'urf</i>	وَرِثٌ
waris	

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 3(3)]

BORANG WASIAT BERTULIS

(Dengan nama Allah, Yang Amat Pemurah, Amat Mengasihani)

Segala puji bagi ALLAH, Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad (s.a.w.).

Ini adalah wasiat terakhir saya,

(nyatakan nama)

No. Kad Pengenalan

yang beralamat

(nyatakan alamat)

dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang bertandatangan di bawah dan yang menyaksikan bahawa saya berada dalam keadaan sihat dan waras fikiran yang membolehkan saya memahami bentuk wasiat dan akibat yang berbangkit daripadanya, serta menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah; tidak ada sekutu bagiNya dan Nabi Muhammad (s.a.w.) adalah hambaNya dan RasulNya dan bahawasanya Syurga dan Neraka itu benar dan bahawa Hari Kiamat akan tiba tidak ragu-ragu lagi dan Allah akan membangkitkan semua ahli kubur.

Saya mewasiatkan kepada anak, keluarga dan kaum kerabat saya supaya bertaqwa kepada Allah Azzawajalla dan mentaatiNya serta berdiri teguh atas syariat dan agamaNya dan mati dalam Agama Islam, begitu juga saya mewasiatkan bahawa apabila ajal yang ditetapkan Allah ke atas makhlukNya tiba, mereka hendaklah berhati-hati dengan harta peninggalan saya; iaitu dimulai dengan membelanjakan untuk menyempurnakan jenazah saya sehingga selamat dikebumikan, kemudian dibayar segala hutang saya

yang bertanggung ke atas saya dan yang diakui di hadapan saksi-saksi saya, iaitu,

dibayar kepada*.....
(nyatakan nama atau nama-nama)

sejumlah
(sebut jumlah)

dan dikeluarkan sehingga satu pertiga daripada harta saya untuk diberikan kepada

*
(nyatakan urutan nama waris)

kemudian bakinya dibahagikan kepada waris-warisnya. Mereka ialah

*
(nyatakan nama-nama)

mengikut sebagaimana ditetapkan oleh syariat Allah Ta'ala dan saya berpesan supaya mereka menjaga anak-anak saya yang masih kecil; mereka ialah;

*
(nyatakan nama atau nama-nama)

serta mentadbir bahagian mereka masing-masing sehingga baligh dan matang pemikiran;

dan saya melantik
(nyatakan nama atau nama-nama wasi)

sebagai wasi atau wasi-wasi dan saya mempercayai agamanya, amanahnya, adilnya dan berpuas hati kepadanya dan terserahlah kepadanya apa yang difikirkan patut untuk kebaikan mereka dan diterima oleh wasi atau wasi-wasi semua yang tersebut mengikut Hukum Syarak di hadapan saksi-saksi serta diturunkan tandatangan dan dilafazkan.

Ditandatangani
oleh pewasiat di atas di
hadapan kami, yang di atas
permintaannya dan di
hadapannya kami
menurunkan nama-nama
kami sebagai saksi-saksi

÷
TM
"
TM
TM

.....
(Tandatangan Pewasiat
dan/atau cap jari)

.....
Nama Saksi Pertama

.....
(Tandatangan dan/
atau cap jari)

.....
Nama Saksi Kedua

.....
(Tandatangan dan/
atau cap jari)

* Potong mana yang tidak berkenaan

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang
pada 30 Mac 2005.

[PUN(M)353/46/75]

MOHD ZIN BIN MANSOR,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Melaka

MUSLIM WILLS (STATE OF MALACCA)
ENACTMENT 2005

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title, commencement and application.
2. Interpretation.

PART II

EXECUTION OF WILL

3. Will may be made orally, in writing or by gesture.
4. Proof of will.
5. Conditional will.
6. Competency of testator.
7. Conditions of beneficiary.
8. Bequest to places of worship or other institutions.
9. Subject matter of will.
10. Bequest on benefit.
11. Mode of will.

PART III

INVALIDATION OF WILL

12. Invalidation of will.
13. A will of a person prohibited to administer his property.
14. Beneficiary who has caused the death of testator is not entitled to the will.

PART IV

REVOCATION OF WILL

15. Revocation of will.

Section

16. Acts not deemed to be revocation of will.

PART V

ACCEPTANCE AND REJECTION OF WILL

17. Acceptance and rejection of will.
18. Time to accept or reject will.
